



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

PENGGUNAAN PEMBESAR SUARA DI LUAR WAKTU SOLAT

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah meneliti permohonan Jabatan Hal Ehwal mengenai **Penggunaan Pembesar Suara di Luar Waktu Solat** pada 27 Januari 2020 dan berpandangan seperti berikut;

1. Laungan azan di setiap masjid dan surau **dinyaringkan bagi menzahirkan tuntutan sunah dan syiar Islam**. Selain daripada memaklumkan masuk waktu solat fardhu, azan juga disyariatkan untuk mengajak orang Islam khususnya anak kariah mendirikan solat fardhu secara berjamaah.
2. Bagaimanapun, penggunaan pembesar suara adalah tertakluk kepada budi bicara pegawai masjid atau jawatankuasa kariah dengan mengambil kira situasi penduduk serta pandangan masyarakat setempat.
3. Dalam hal ini, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah berpandangan bahawa pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah menyediakan Garis Panduan Penggunaan Pembesar Suara Selain Daripada Waktu Solat bagi tujuan penyelarasan di seluruh masjid dalam Negeri Kedah.

TARIKH KEPUTUSAN : 27 JANUARI 2020